

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

1. Apakah status terkini tentang lampu jalan di Jalan Kikik 7, Jalan Kerapu dan Jalan Permatang Pauh (PICCA) yang sering tidak berfungsi?
 - (a) Siapakah pemilik dan pihak manakah yang sepatutnya menyelenggara lampu jalan ini?
 - (b) Apakah rancangan penyerahan hak penyelenggaraan lampu jalan tersebut kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk penyelenggaraan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Semakan terkini oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mendapati bahawa lampu jalan di Jalan Kikik 7, Jalan Kerapu dan Jalan Permatang Pauh di Penang International Convention Cultural and Arts Centre (PICCA) telah berfungsi sepenuhnya.
 - (a) Projek tersebut adalah dimiliki oleh Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebagai pelaksana. Buat masa ini, lampu jalan ini masih diselenggara oleh kontraktor lantikan PDC iaitu A.B.U. Hayat Sdn. Bhd.
 - (b) Selaku pelaksana projek, PDC telah mengadakan pemeriksaan tapak bersama MBSP pada 27 Ogos 2025. Berkaitan itu, PDC kini dalam proses penyelarasan akhir

bersama MBSP sebelum panggilan sebut harga bagi pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan untuk memenuhi syarat dan keperluan yang telah ditetapkan dilaksanakan. Kerja-kerja penambahbaikan ini dianggarkan akan mengambil masa selama dua (2) bulan. Penyerahan rasmi hak penyelenggaraan kepada MBSP akan dilaksanakan setelah semua syarat dan ketetapan MBSP dipenuhi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

2. Apakah status terkini untuk Projek Pembaharuan Semula Bandar (URC) di Flat Mak Mandin Hijau serta Flat Mak Mandin?
 - (a) Apakah statistik individu yang setuju untuk memiliki rumah, setuju untuk menerima bayaran bentuk wang tunai dan tidak setuju untuk kedua-dua?
 - (b) Nyatakan jangka masa pembinaan fasa pertama dan pemindahan penduduk fasa pertama.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah memilih tiga (3) skim perumahan awam kos rendah lama sebagai projek rintis Pembaharuan Semula Bandar (PSB) di bawah *Rolling Plan 2 (RP2)* Tahun 2022, Pelan Induk Perancangan Pembangunan Rumah Mampu Milik 2021 - 2030. Salah satu (1) projek rintis tersebut adalah Projek PSB Mak Mandin. Terdapat tiga (3) skim perumahan yang terlibat dalam pelaksanaan Projek PSB Mak Mandin iaitu Mak Mandin Hijau, Mak Mandin Lama dan Mak Mandin 1.

Pelaksanaan keseluruhan projek ini melibatkan seramai 820 orang pemilik petak. Walau bagaimanapun, hanya Flat Mak Mandin Hijau yang telah memperoleh hak milik strata dan diuruskan oleh Perbadanan Pengurusan (MC) Mak Mandin Hijau. Manakala hak milik strata bagi Flat Mak Mandin Lama dan Mak

Mandin 1 belum dikeluarkan dan masih di bawah pemilikan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI).

Sesi libat urus dan proses rundingan bersama semua pihak berkepentingan telah dilaksanakan dan LPNPP telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana projek ini melalui resolusi yang diusulkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) MC Mak Mandin Hijau dan surat *blanket consent* daripada SSI.

- (a) Daripada jumlah 820 unit/petak kediaman yang terletak di tiga (3) skim perumahan yang terlibat, statistik individu yang bersetuju untuk menerima rumah gantian, bersetuju menerima bayaran wang tunai dan tidak bersetuju atas kedua-dua tawaran berkenaan adalah seperti berikut:
 - (i) Majoriti penduduk iaitu sebanyak 503 unit (61.3%) telah bersetuju untuk menerima unit kediaman gantian sebagai bentuk penyelesaian perumahan/penempatan semula;
 - (ii) Dua (2) unit (0.2%) memilih untuk menerima pampasan wang tunai; dan
 - (iii) 315 unit (38.5%) dalam kategori mereka yang tidak bersetuju, tidak dapat dihubungi/dikesan, unit tidak berpenghuni dan usang.
- (b) *Request For Proposal* (RFP) bagi tujuan pelaksanaan Projek PSB Mak Mandin telah ditutup pada 9 Julai 2025 dan hanya satu (1) penyertaan yang diterima. Lembaga Perolehan LPNPP yang bersidang pada 14 Oktober 2025 bersetuju untuk menolak cadangan tersebut atas alasan tawaran yang diterima sangat rendah dan pemaju tersebut sedang disenaraihitamkan oleh Kerajaan Negeri. RFP ini akan diiklankan semula secara berfasa dan proses perolehan dijangka bermula pada bulan November 2025.

Pelantikan pemaju bagi fasa pertama dijangka akan selesai pada bulan April 2026, manakala kerja pembinaan dijangka bermula pada sukuan keempat tahun 2026 dan akan disiapkan dalam tempoh tiga (3) tahun.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

3. Mengenai kejadian runtuh melibatkan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Cempaka di Pantai Dalam baru-baru ini, apakah langkah dan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan struktur bangunan PPR di negeri ini berada dalam keadaan kukuh, selamat serta menepati piawaian kejuruteraan yang ditetapkan?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Pembangunan projek-projek di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) merupakan projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menggunakan spesifikasi perancangan dan reka bentuk perumahan kos rendah sebagaimana yang ditetapkan dalam Standard Perumahan Kebangsaan bagi Perumahan Kos Rendah Rumah Pangsa (CIS2) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Pembinaan PPR turut mematuhi spesifikasi yang digariskan di bawah *Uniform Building By-Laws* 1984 (UBBL) dan semua spesifikasi tersebut diselia serta disahkan oleh perunding arkitek dan jurutera profesional yang dilantik.

Walaupun projek-projek PPR dibangunkan oleh KPKT, urusan penawaran, pemantauan, penyelenggaraan dan penguatkuasaan di Negeri Pulau Pinang adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).

Bagi memastikan struktur bangunan PPR di negeri ini kekal kukuh dan selamat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui LPNPP telah mengambil langkah proaktif dengan melantik Syarikat Pengurus Harta untuk bertindak bagi pihak LPNPP dalam melaksanakan pemantauan berterusan di skim-skim PPR. Skop kerja syarikat yang dilantik merangkumi urusan pentadbiran, pengurusan kewangan termasuk kutipan sewa, deposit, caj penyelenggaraan dan bayaran pindah milik, keselamatan terutamanya bagi skim berpagar, kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan landskap, tindakan penguatkuasaan terhadap tunggakan dan pelanggaran syarat serta pengurusan teknikal melibatkan sistem bekalan air, pembetulan, elektrik dan peralatan pencegah kebakaran.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

4. Apakah status menaik taraf sistem perparitan dari jajaran Jalan Mak Mandin – Lorong Mak Mandin 3 – Tingkat Cantek 5 seperti jawapan yang telah diberikan dalam Persidangan DUN pada 16 Mei 2025 (PERKARA : 5(A)(V)12)?
 - (a) Apakah status kerja-kerja pengukuran aras dan pemetaan utiliti yang dijadualkan bermula pada bulan Jun 2025?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Untuk makluman, pihak Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) belum mempunyai perancangan untuk menaik taraf sistem perparitan di kawasan tersebut buat masa ini, memandangkan sistem perparitan sedia ada masih berfungsi dengan baik dan mampu menampung kapasiti air ketika hujan lebat. Selain itu, pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Mak Mandin yang telah siap turut membantu mengurangkan masalah banjir yang pernah berlaku di kawasan berkenaan sebelum ini.
 - (a) Kerja-kerja pengukuran aras dan pemetaan utiliti oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di Tingkat Cantek 5 telah siap dilaksanakan pada bulan September 2025 .

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

5. Merujuk kepada cadangan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Jalan Permatang Pauh, apakah langkah yang telah diambil untuk merealisasikan projek pelebaran jalan Permatang Pauh?
- (a) Apakah status kelulusan bagi projek ini seperti dinyatakan di Persidangan DUN pada 16 Mei 2025 (PERKARA : 5(A)(V)13)?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Jalan Permatang Pauh, beberapa langkah awal telah diambil ke arah merealisasikan projek pelebaran jalan tersebut. Antara langkah awal yang telah dilaksanakan adalah penyediaan cadangan teknikal awal, semakan reka bentuk jajaran sedia ada serta penyelarasan bersama agensi-agensi berkaitan bagi mendapatkan maklum balas awal sebelum pelaksanaan projek penuh.
- (a) Projek ini telah diangkat oleh Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) melalui Kerajaan Negeri kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi pertimbangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) memandangkan terdapat keperluan semasa bagi menampung peningkatan trafik di kawasan berkenaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

6. Mengenai parit jalan yang diselenggara oleh pihak JKR sepanjang Jalan Kampung Gajah, apakah perancangan untuk longkang yang belum dinaiktaraf sebanyak 6359m lagi?
 - (a) Apakah status kelulusan peruntukan bagi kerja penaiktarafan di atas seperti yang pernah dinyatakan pada Persidangan DUN pada 16 Mei 2025 (PERKARA : 5(A)(V)15?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) telah mengangkat permohonan melalui peruntukan Anggaran Penyelenggaraan Jalan (APJ) bagi tahun 2026 kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk penaiktarafan baki parit jalan sepanjang 6,359 meter (m) di kawasan tersebut.
 - (a) Permohonan peruntukan bagi penaiktarafan parit dari seksyen 763.50 sehingga 764.00 tersebut masih belum menerima kelulusan dari KKR.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

7. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memasang panel solar di semua premis kepunyaan Kerajaan Negeri?
 - (a) Apakah anggaran kos bil elektrik bulanan semua premis kerajaan di Pulau Pinang?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan bajet untuk memasang panel solar di semua premis Kerajaan Negeri secara berfasa bagi mengurangkan kos bil elektrik?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri telah melancarkan Rangka Kerja Tenaga Pulau Pinang *Penang Energy Framework* (PEF) pada bulan November 2024. Kerajaan Negeri kini juga dalam proses untuk melantik badan yang bertauliah sebagai agensi pelaksana bagi projek pembangunan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan Kecekapan Tenaga (KT) di Pulau Pinang. Cadangan ini adalah selaras dengan sasaran Rangka Kerja Tenaga Pulau Pinang yang berhasrat untuk mencapai 10% TBB menjelang 2030 dan pengurangan intensiti tenaga sebanyak 25% menjelang tahun 2030. Perancangan ini dilaksanakan secara berperingkat dan menyeluruh, dengan memfokuskan kepada bangunan Kerajaan yang mempunyai bumbung besar dan penggunaan elektrik tinggi.

- (a) Kos purata bil elektrik di bawah akaun pukal elektrik Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM180,000.00 sebulan.
- (b) Buat masa ini, tiada peruntukan khas yang disediakan bagi pemasangan solar di premis Kerajaan Negeri. Ianya tertakluk ke atas perancangan setiap agensi/jabatan Negeri tersendiri dan ketersediaan peruntukan tahunan semasa. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri kini dalam proses meneliti model pembiayaan bagi pemasangan solar di pasaran yang tidak memerlukan modal permulaan dengan menggunakan pakai beberapa kaedah yang diperkenalkan di peringkat Kerajaan Persekutuan seperti berikut:
- (i) Perjanjian Pembelian Kuasa (*Power Purchase Agreement*) atau *Zero Capex Solar*: Pemaju solar akan memasang, memiliki dan menyelenggara sistem fotovoltai (PV) solar di atas bumbung (atau ruang lain) dan pengguna akan membeli tenaga elektrik yang dijana pada kadar tarif tetap (atau lebih rendah) dalam tempoh tertentu;
 - (ii) Perjanjian Pembekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE): Pemilik bangunan menyewakan bumbung/premis kepada pelabur solar yang akan memasang sistem tersebut dan mungkin menjual tenaga elektrik kepada pengguna atau berkongsi hasil pendapatan; dan
 - (iii) Skim Pembiayaan Projek Hijau: Skim yang ditawarkan oleh Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation ini memberikan jaminan pinjaman dan rebat bagi projek- projek hijau.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

8. Mengenai Projek Fasa Dua Pembinaan Parit Monsun Bypass Jalan Thamby Kechil yang dinyatakan di Persidangan DUN pada 16 Mei 2025 (PERKARA : 5(A)(V)22).
- (a) Apakah alternatif bagi projek ini? Huraikan secara terperinci.
 - (b) Berapakah anggaran kos projek alternatif ini?
 - (c) Berapakah tempoh masa yang diperlukan untuk menyiapkan projek alternatif ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Projek Pembinaan Parit Monsun *Bypass* Jalan Thamby Kecil.
- (a) Projek-projek alternatif bagi projek pembinaan parit monsun *bypass* Jalan Thamby Kecil adalah penaiktarafan parit perimeter taman sedia ada serta pembinaan sebuah rumah pam di bahagian hilir parit pintasan Jalan Bagan Jermal. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada cadangan alternatif yang bakal dimuktamadkan oleh pihak perunding.
 - (b) Anggaran kos bagi projek ini adalah sebanyak RM2.8 juta.
 - (c) Jangkaan tempoh masa yang diperlukan untuk pelaksanaan projek adalah selama 24 bulan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

9. Apakah status terkini mengenai projek penaiktarafan Pusat Penjaja Pasar Sri Uda?
- (a) Huraikan jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk projek ini secara terperinci.
 - (b) Berikan huraian terperinci tempoh pelaksanaan dari peringkat mula hingga proses pelaksanaan keseluruhan projek tersebut.

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Status terkini Projek Menaik Taraf Pusat Penjaja Pasar Sri Uda di 18-20, Jalan Bunga Raya Merah 2, Raja Uda Industrial Estate, 12300 Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang adalah sedang dalam fasa penyediaan pelan reka bentuk terperinci.
- (a) Anggaran kos bagi pelaksanaan projek ini adalah sebanyak RM3.8 juta (Ringgit Malaysia Tiga Juta Lapan Ratus Ribu Sahaja). Walau bagaimanapun, pihak MBSP akan memohon peruntukan daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) setelah proses penyediaan reka bentuk terperinci selesai dijalankan; dan

- (b) Perincian maklumat bagi tempoh pelaksanaan projek ini bermula dari proses tender sehingga proses pelaksanaan keseluruhan projek adalah seperti berikut:

BIL.	PROSES PELAKSANAAN PROJEK MENAIK TARAF PUSAT PENJAJA PASAR SRI UDA	BULAN
1.	PERUNDINGAN	6
2.	PENGIKLANAN	1
3.	BANTAHAN	1
4.	ANALISIS	3
5.	LANTIKAN	2
6.	PENYEDIAAN TAPAK SEMENTARA	2
7.	PEMINDAHAN PENJAJA	1
8.	PEMBINAAN	12
TEMPOH KESELURUHAN PROSES		28

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

10. Apakah status terkini mengenai projek penaiktarafan Pusat Penjaja Sin Tat?
- (a) Apakah status terkini projek ini?
 - (b) Nyatakan anggaran kos bagi projek ini.
 - (c) Berikan huraian terperinci tempoh pelaksanaan dari peringkat mula hingga proses pelaksanaan keseluruhan projek tersebut dengan jelas.

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Status terkini Projek Menaik Taraf Pusat Penjaja Sin Tat di Jalan Raja Uda, Taman Sin Tat, 12300 Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang adalah **sedang dalam proses pelantikan perunding** oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi tujuan menentukan konsep binaan pusat penjaja tersebut.
- (a) Anggaran kos bagi pelaksanaan projek ini adalah sebanyak RM500,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu sahaja). Walau bagaimanapun, pihak MBSP akan memohon peruntukan daripada pihak pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

(KPKT) setelah proses penyediaan reka bentuk terperinci selesai dijalankan; dan

- (b) Perincian maklumat bagi tempoh pelaksanaan projek ini bermula dari proses tender sehingga proses pelaksanaan keseluruhan projek adalah seperti berikut:

BIL.	PROSES PELAKSANAAN PROJEK MENAIK TARAF PUSAT PENJAJA SIN TAT	BULAN
1.	PERUNDINGAN	6
2.	PENGIKLANAN	1
3.	BANTAHAN	1
4.	ANALISIS	3
5.	LANTIKAN	2
6.	PENYEDIAAN TAPAK SEMENTARA	2
7.	PEMINDAHAN PENJAJA	1
8.	PEMBINAAN	8
TEMPOH KESELURUHAN PROSES		24

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

10. Apakah status terkini mengenai projek penaiktarafan Pusat Penjaja Sin Tat?
- (a) Apakah status terkini projek ini?
 - (b) Nyatakan anggaran kos bagi projek ini.
 - (c) Berikan huraian terperinci tempoh pelaksanaan dari peringkat mula hingga proses pelaksanaan keseluruhan projek tersebut dengan jelas.

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Status terkini Projek Menaik Taraf Pusat Penjaja Sin Tat di Jalan Raja Uda, Taman Sin Tat, 12300 Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang adalah **sedang dalam proses pelantikan perunding** oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi tujuan menentukan konsep binaan pusat penjaja tersebut.
- (a) **Anggaran kos** bagi pelaksanaan projek ini adalah **sebanyak RM500,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu sahaja)**. Walau bagaimanapun, pihak MBSP akan memohon peruntukan daripada pihak **pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan**

X peny bold

Tempatan (KPKT) setelah proses penyediaan reka bentuk terperinci selesai dijalankan; dan *Kperu Dold*

- (b) Perincian maklumat bagi tempoh pelaksanaan projek ini bermula dari proses tender sehingga proses pelaksanaan keseluruhan projek adalah seperti berikut:

BIL.	PROSES PELAKSANAAN PROJEK MENAIK TARAF PUSAT PENJAJA SIN TAT	BULAN
1.	PERUNDINGAN	6
2.	PENGIKLANAN	1
3.	BANTAHAN	1
4.	ANALISIS	3
5.	LANTIKAN	2
6.	PENYEDIAAN TAPAK SEMENTARA	2
7.	PEMINDAHAN PENJAJA	1
8.	PEMBINAAN	8
TEMPOH KESELURUHAN PROSES		24

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

11. Mengenai banjir kilat yang sudah berlaku sebanyak 10 kali di Taman Melur dan kawasan sekitarnya.
- (a) Nyatakan punca berlakunya banjir kilat ini.
 - (b) Apakah langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk meminimumkan isu banjir kilat ini di sekitar kawasan tersebut? Huraikan secara terperinci.

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. (a) Punca berlakunya banjir kilat Taman Melur dan kawasan sekitarnya adalah disebabkan oleh jumlah purata hujan yang tinggi dan pertembungan aliran dari hulu ke hilir Sungai Nyiur sewaktu air pasang tinggi.
- (b) Langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk meminimumkan isu banjir kilat ini di sekitar kawasan tersebut adalah seperti berikut:-
- (i) Langkah jangka pendek adalah perancangan membina tembok penahan banjir di belakang lorong Tingkat Melur 1 bersebelahan parit monsun Sungai Nyiur. Selain itu, pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) juga sentiasa menjalankan kerja-kerja pembersihan parit

perimeter dan parit monsun secara berkala bagi melancarkan aliran air ke hilir; dan

- (ii) Langkah jangka panjang adalah dengan menjalankan kerja naik taraf parit perimeter Tingkat Melur dan membina rumah pam di kawasan hilir parit pintasan merentasi Jalan Bagan Jermal.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

12. Bagi projek pembaikan jalan dan longkang di Jalan Kampung Kastam di bawah penyelenggaraan JKR.
- (a) Nyatakan status terkini projek ini.
 - (b) Nyatakan anggaran kos serta tempoh pelaksanaan projek ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Projek pembaikan jalan dan longkang di Jalan Kampung Kastam.
- (a) Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kementerian Ekonomi (KE) di bawah Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) bagi pembiayaan projek tersebut.
 - (b) Anggaran kos bagi pelaksanaan projek tersebut adalah sebanyak RM300,000.00 dan kerja-kerja pembaikan akan dapat dilaksanakan pada tahun 2026 sekiranya peruntukan diluluskan oleh KE.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

13. Apakah langkah yang boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk menangani masalah parkir yang semakin meruncing disebabkan oleh pembangunan pesat di seluruh Jalan Perniagaan Raja Uda, Jalan Raja Uda?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Antara langkah yang boleh diambil oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk menangani masalah parkir yang semakin meruncing yang disebabkan oleh pembangunan pesat di seluruh Jalan Perniagaan Raja Uda, Jalan Raja Uda ialah seperti berikut:
- (i) Menyusun semula aliran lalu lintas dengan melaksanakan sistem aliran lalu lintas sehala bagi membolehkan lebih banyak petak parkir diwujudkan di kedua-dua sisi jalan;
 - (ii) Melebarkan jalan dan menggunakan bahu jalan sedia ada untuk dijadikan sebagai ruang parkir;
 - (iii) Melaksanakan sistem parkir secara berbayar bagi mengawal tempoh parkir dan penggunaannya;
 - (iv) Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan masyarakat tempatan; dan
 - (v) Menyediakan tempat hentian bas yang berhampiran bagi mengurangkan kebergantungan terhadap parkir di tepi jalan raya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

14. Berkaitan Skim Galakan Penggunaan Motosikal Elektrik (MARiiCas) yang dipromosikan oleh pihak Kerajaan Persekutuan.
- (a) Senaraikan kedai di bawah skim ini yang menjual motosikal elektrik di seluruh Pulau Pinang.
 - (b) Adakah pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk menambahkan stesen cas elektrik motosikal EV?
 - (c) Adakah pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk meliputi kereta elektrik dalam Skim MARiiCas ini?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. (a) Berdasarkan rekod pihak Malaysia Automative, Robotics & IOT Institute (MARii), terdapat sejumlah 11 kedai di bawah Skim Galakan Penggunaan Motosikal (MARiiCas) yang menjual motosikal elektrik seperti berikut:

BIL	NAMA KEDAI	KAWASAN
1	Eclimo Sdn. Bhd.	Tanjung Bungah
2	Hot Bike Sdn. Bhd.	Jelutong
3	KB Soon Huat Motor Sdn. Bhd.	Kepala Batas
4	Weng Motor	Sungai Jawi
5	CK Motorworld Sdn. Bhd.	Bukit Mertajam
6	ATV & EV Sdn. Bhd.	George Town

BIL	NAMA KEDAI	KAWASAN
7	Mugen Motorsport Sdn. Bhd.	Butterworth
8	May Motorcycle Sdn. Bhd.	Jelutong
9	EL Chong Motor Trading Sdn. Bhd.	Jawi
10	CKT Motor	Simpang Ampat
11	Superlux Garage Penang	Tanjung Tokong

(b) Terdapat sejumlah sepuluh (10) lokasi yang mempunyai stesen pengecasan motosikal elektrik seperti berikut:

- (i) Astaka Persiaran Gurney;
- (ii) Kompleks Makanan Medan Renong;
- (iii) 1st Avenue Mall;
- (iv) Kompleks Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Lebuhraya Pantai;
- (v) Kompleks Desiran Tanjung;
- (vi) Astaka Batu Lanchang;
- (vii) Kompleks Sri Selera Bayan Baru;
- (viii) Kompleks Bukit Jambul;
- (ix) Kompleks Bukit Gedung; dan
- (x) Menara Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Kerajaan Negeri buat masa ini tidak mempunyai perancangan untuk menambah bilangan stesen pengecasan motosikal elektrik di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, pemaju boleh disyaratkan untuk menyediakan kemudahan stesen pengecasan motosikal elektrik bagi projek pemajuan baharu.

(c) Perancangan untuk meliputi kereta elektrik dalam Skim MARiiCas adalah melibatkan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Buat masa ini, tiada pengumuman daripada Kerajaan Persekutuan berhubung perkara ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

15. Berapakah jumlah kes kemalangan biasa dan kemalangan maut di atas Jambatan Pulau Pinang dalam pecahan setiap bulan bagi tahun 2025?
- (a) Apakah langkah proaktif yang telah diambil atau akan dirancang oleh pihak berkenaan untuk mengurangkan kes kemalangan di atas Jambatan Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

15. Berikut merupakan pecahan jumlah kemalangan maut dan kemalangan biasa di atas Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah pada tahun 2025. Menurut laporan keseluruhan sebanyak 10 kes kemalangan maut dan 361 kes kemalangan biasa pada tahun 2025 bagi kedua-dua jambatan di Negeri Pulau Pinang seperti laporan berikut:

- (i) Jambatan Pulau Pinang; dan

2025	KEMALANGAN MAUT	KEMALANGAN BIASA
JANUARI	3	27
FEBUARI	0	18
MAC	3	13
APRIL	1	28
MEI	1	25
JUN	0	16
JULAI	1	43

2025	KEMALANGAN MAUT	KEMALANGAN BIASA
OGOS	1	20
SEPTEMBER	0	39
JUMLAH	10	229

(ii) Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah.

2025	KEMALANGAN MAUT	KEMALANGAN BIASA
JANUARI	0	22
FEBUARI	0	14
MAC	0	17
APRIL	0	14
MEI	0	18
JUN	0	9
JULAI	0	12
OGOS	0	15
SEPTEMBER	0	11
JUMLAH	0	132

(a) Langkah proaktif yang telah diambil oleh pihak PDRM khususnya JSPT IPK Pulau Pinang untuk mengurangkan kes kemalangan diatas Jambatan Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) Tindakan penguatkuasaan serta rondaan pencegahan kemalangan secara berkala telah dijalankan dari masa ke semasa;
- (ii) Melaksanakan Operasi Had Laju secara berkala pada waktu puncak; dan
- (iii) Tindakan penguatkuasaan ke atas kenderaan berat yang melanggar had waktu larangan atau membawa muatan berlebihan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

16. Mengenai tanah RIBI di Ampang Jajar.
- (a) Nyatakan senarai terkini semua tanah yang telah diluluskan, yang telah memohon masuk pelan merancang untuk mendirikan RIBI serta jumlah parkir yang bakal disediakan.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menyediakan *sub station* bagi tujuan bekalan elektrik untuk memudahkan kerja-kerja pembinaan setiap RIBI kelak?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan kawasan seluas 22 ekar di Ampang Jajar, Seberang Perai Utara untuk pembangunan pusat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Setakat ini, 24 persatuan RIBI telah menerima tawaran pajakan tanah, dan sehingga September 2025 ini, 11 persatuan RIBI telah mengemukakan Pelan Bangunan kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk kelulusan pembinaan RIBI masing-masing. Senarai adalah seperti **LAMPIRAN A**.

Tanah yang telah ditolak akan ditukar guna untuk dijadikan sebagai kawasan tempat letak kereta bagi kemudahan pengunjung ke kawasan pusat RIBI tersebut. Penyediaan kemudahan ini dalam peringkat perancangan dan dijadualkan untuk dilaksanakan secara berfasa bermula tahun 2026, tertakluk kepada ketersediaan peruntukan.

- (a) Ya, Kerajaan Negeri mengambil maklum keperluan penyediaan sub-stesen bekalan elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di tapak RIBI Ampang Jajar. Perkara ini telah dikemukakan kepada Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) untuk tindakan dan pelaksanaan lanjut bagi memastikan bekalan elektrik dapat disalurkan dengan lebih teratur kepada setiap tapak RIBI.

Senarai Persatuan Membuat Permohonan Pelan Bangunan

Bil.	Plot	Persatuan
1	PT599	FGA Church Prai
2	PT600	Local Spiritual Assembly Of The Bahai's Of Seberang Perai
3	PT602	Paramita Buddhist Association
4	PT603	Pertubuhan Penganut Dewa Kuan San Gong Ang Hai Gi
5	PT604	Pertubuhan Keturunan See Pulau Pinang
6	PT607	Pertubuhan Penganut Agama Buddha Zheng Xin
7	PT610	Pertubuhan Penganut Dewa Feng Shan Si Bao Gong
8	PT612	Penganut Dewa Ji Gong (Ji Shi Miao)
9	PT623	Butterworth Chinese Methodist Church
10	PT625	Pertubuhan Penganut Dewa Yin Fu Dian Dai Er Yer Bo
11	PT630	Penang Christian Centre

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

17. Apakah SOP dan tindakan yang boleh diambil oleh Pejabat Daerah dan Tanah yang melibatkan isu tanah yang tidak dikendalikan sehingga menjadi habitat kepada binatang liar yang boleh membahayakan penghuni di sekitar tanah?
- (a) Nyatakan statistik penguatkuasaan isu berkenaan bagi kawasan SPU lima tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. Secara prinsipnya, Pejabat Daerah & Tanah bertanggungjawab terhadap urusan pentadbiran, penguatkuasaan dan pemantauan tanah kerajaan atau tanah milik mengikut peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 828). Namun demikian, isu yang melibatkan kehadiran atau pencerobohan hidupan liar di atas tanah terbiar bukan berada di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah & Tanah.

Tindakan berkaitan pengurusan dan kawalan haiwan liar tertakluk di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). Selain itu, bagi haiwan ternakan atau haiwan peliharaan yang mengganggu kawasan perumahan, tindakan boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) atau Majlis Bandaraya Seberang Perai

(MBSPP) di bawah Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan serta Akta Perbandaran yang berkaitan.

Pejabat Daerah & Tanah akan memberi kerjasama dari segi aspek pemilikan dan status tanah sekiranya maklumat tersebut diperlukan oleh agensi penguat kuasa berkenaan dalam mengambil tindakan lanjut.

- (a) Pejabat Tanah & Galian (PTG) dan Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara (PDT SPU) tidak mempunyai statistik atau rekod khusus berhubung tindakan penguatkuasaan terhadap tanah terbiar yang menjadi habitat kepada binatang liar di Daerah Seberang Perai Utara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

18. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai rancangan untuk menaik taraf longkang-longkang yang sudah tidak dapat menampung kapasiti hujan kini dan yang sudah lama tidak dinaik taraf terutamanya di Pusat Penjaja Sin Tat, Perindustrian Mak Mandin dan Jalan Kampung Paya?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Bagi isu longkang di kawasan Pusat Penjaja Sin Tat, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melantik perunding yang kini dalam fasa penyediaan reka bentuk pusat penjaja tersebut termasuk menaik taraf parit dan longkang di sekitarnya.

Walau bagaimanapun, bagi kawasan di Jalan Perindustrian Mak Mandin dan Jalan Kampung Paya yang berada di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR), tiada perancangan untuk menaik taraf longkang-longkang di kawasan tersebut kerana Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Mak Mandin yang telah siap dilaksanakan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dapat menampung jumlah kapasiti hujan di kawasan sekitarnya dan tiada lagi aduan diterima oleh pihak JKR.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

19. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam meneroka dan membangunkan teknologi bateri air laut (*seawater battery*) sebagai salah satu tenaga hijau (tenaga yang boleh diperbaharui) di Pulau Pinang, khususnya bagi menyokong agenda pembangunan mampan dan mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga boleh diperbaharui selain solar serta sumber tenaga konvensional?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk meneroka dan membangunkan teknologi bateri air laut (*seawater battery*) sebagai sumber tenaga di Pulau Pinang. Ini adalah kerana teknologi ini masih belum matang dan memerlukan kajian-kajian yang lebih mendalam terutamanya melibatkan aspek kecekapan sistem serta kesan kepada alam sekitar dan hidupan marin untuk jangka masa panjang.

Selain itu, sebagai teknologi yang masih dalam peringkat pembangunan, kos bagi merintis teknologi ini adalah amat besar. Kerajaan Negeri bertanggungjawab memastikan perbendaharaan Negeri dibelanjakan dengan berhemah dan optimum untuk manfaat rakyat Negeri ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

20. Apakah rancangan penyelenggaraan secara berkala Pihak Berkuasa Tempatan dalam skop kerja membuang sisa-sisa enapan sebagai langkah mengurangkan masalah banjir kilat terutamanya dari parit monsun dari Jalan Thamby Kechil ke Tingkat Melur 1 sehingga Lorong Ceri 7 yang sebahagiannya masih parit tanah yang akan menghasilkan sisa enapan?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melaksanakan kerja-kerja pembuangan sisa enapan di parit monsun dari Jalan Thamby Kechil ke Tingkat Melur 1 sehingga Lorong Ceri 7 sebagai langkah mengurangkan masalah banjir kilat. Buat masa ini, MBSP melaksanakan kerja-kerja pembersihan parit monsun tersebut secara berkala iaitu setiap enam (6) bulan sekali.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

21. Memandangkan penggunaan mesin pembedahan berasaskan kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) semakin meluas di hospital swasta bagi meningkatkan ketepatan dan keselamatan pembedahan, apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memohon kepada KKM untuk melaksanakan teknologi serupa di hospital-hospital kerajaan di negeri ini bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan tahap keselamatan dalam pembedahan?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sememangnya sedang dalam perancangan untuk memperluas penggunaan teknologi berasaskan Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) dan pembedahan robotik secara berperingkat.

Di peringkat Negeri Pulau Pinang, kemudahan perkhidmatan pembedahan robotik akan dilaksanakan selaras dengan pembangunan terkini Blok Pembedahan (Surgical Block) di Hospital Pulau Pinang (HPP) di mana mesin pembedahan robotik berasaskan AI akan ditempatkan di Dewan Bedah HPP. HPP dijangka menjadi pusat rujukan pembedahan robotik bagi Zon Utara.

Inisiatif ini turut merangkumi perancangan latihan untuk pakar bedah dan jururawat bagi memastikan kecekapan penggunaan sistem berasaskan AI dan robotik dilaksanakan dengan selamat dan berkesan.

Walau bagaimanapun, perlu diakui bahawa pelaksanaan penuh teknologi robotik memerlukan peruntukan kewangan yang besar serta sokongan teknikal khusus. Oleh itu, JKNPP melalui KKM menilai keperluan ini secara berfasa bagi memastikan pelaburan yang dibuat adalah berimpak tinggi dan seimbang di antara kos serta manfaat kepada pesakit.

Perkhidmatan pembedahan di bawah JKNPP akan terus menyokong dan memperkukuh kerjasama dengan KKM dalam memperkenalkan teknologi pembedahan berasaskan AI secara berperingkat dengan keutamaan kepada keselamatan pesakit, keberkesanan rawatan dan pembangunan kepakaran tempatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

22. Apakah statistik penggunaan harian oleh warganegara dan statistik bilangan van *Rapid On-Demand* yang beroperasi secara purata setiap hari di SPU berbanding SPT dan SPS?
- (a) Adakah pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk menambah bilangan van Rapid On-Demand yang mendapat sambutan hangat di Seberang Perai Utara (Laluan T710B)?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Pada masa ini, Rapid Bus tidak membezakan statistik penggunaan antara warganegara dan bukan warganegara, namun bagi data purata penggunaan harian di tiga kawasan Seberang Perai (SPU, SPT dan SPS) adalah seperti berikut:

DAERAH	BILANGAN VAN	PURATA PENUMPANG HARIAN (SPU, SPT & SPU)
SPU	2	105
SPT	13	690
SPS	5	235

*Laluan T611B Bertam (SPU) menunjukkan peningkatan ketara dengan jumlah penumpang harian mencecah sehingga 200 orang semasa tempoh semester akademik USM.

- (a) Pada masa ini, pihak Kerajaan Negeri melalui operator Rapid Penang tiada perancangan untuk penambahan van memandangkan purata penggunaan semasa masih tidak mencapai sasaran iaitu 120 purata penumpang harian bagi satu van, berdasarkan sasaran prestasi operasi yang telah ditetapkan. Namun demikian Rapid Penang sedang menilai corak permintaan semasa di beberapa zon berimpak tinggi bagi menentukan keperluan pengukuhan kapasiti secara berfasa sekiranya *trend* penggunaan terus meningkat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

23. Seiring dengan trend pembelajaran berteraskan digital dalam kalangan remaja masa kini, apakah langkah-langkah yang dirancang oleh Jabatan Pendidikan Negeri bagi memastikan keseimbangan antara kecerdasan minda dan perkembangan fizikal melalui penggalakan aktiviti sukan serta kokurikulum di sekolah?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) merancang pelbagai langkah untuk menyeimbangkan kecerdasan minda dan perkembangan fizikal di sekolah melalui penggalakan aktiviti sukan dan kokurikulum. Langkah-langkah ini termasuk mengintegrasikan sukan ke dalam kurikulum, memperkasakan program kokurikulum, menyediakan kemudahan sukan, menganjurkan pertandingan dan menyediakan latihan kepada guru. Tujuannya adalah untuk memastikan murid mendapat pendidikan yang holistik dengan membangunkan potensi intelektual dan fizikal murid secara seimbang.

Di samping itu, dalam memastikan integrasi sukan dan kokurikulum dalam kurikulum dilaksanakan dengan berkesan, Kerajaan Negeri melalui JPNPP telah melaksanakan beberapa perkara seperti berikut:

- (i) Sukan olahraga dan sukan massa: Pelaksanaan sukan olahraga dan sukan massa seperti hari sukan dan acara sukan antara sekolah bertujuan untuk menggalakkan penyertaan murid secara menyeluruh, bukan hanya mereka yang mempunyai bakat sukan;
- (ii) Aktiviti kokurikulum: Pelbagai pilihan aktiviti kokurikulum, termasuk unit beruniform, kelab dan persatuan, serta kelab sukan, ditawarkan kepada murid untuk pembangunan diri secara menyeluruh;
- (iii) Penubuhan jawatankuasa khas: Jawatankuasa khas di peringkat negeri dan daerah ditubuhkan untuk memantau dan menyelaraskan program sukan dan kokurikulum yang dijalankan di sekolah;
- (iv) Penyediaan kemudahan dan peralatan: JPN membantu sekolah dalam penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan sukan dan peralatan yang mencukupi untuk pelbagai aktiviti sukan dan kokurikulum;
- (v) Pengiktirafan dan ganjaran dengan memberi penganugerahan sijil dan hadiah. Sijil dan hadiah diberikan kepada murid yang aktif dalam sukan dan kokurikulum untuk memberi pengiktirafan dan galakan; dan
- (vi) Penerapan elemen Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) juga diambil kira untuk menentukan tahap pencapaian bagi menggalakkan penyertaan yang aktif dan konsisten.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

24. Bagi menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang, adakah pihak berkenaan mempunyai rancangan untuk mencipta satu laman rasmi secara komprehensif termasuk mod pengangkutan, tempat menarik, acara terkini dan panduan pengangkutan awam seperti laman yang dimiliki oleh negara Jepun iaitu (GOTOKYO)?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Laman rasmi pelancongan Pulau Pinang, myPenang.gov.my kini sedang melalui proses penambahbaikan menyeluruh bagi menjadikannya sebuah platform pelancongan digital yang lebih komprehensif, interaktif dan berimpak global. Usaha ini dilaksanakan oleh Penang Global Tourism (PGT) sebagai sebahagian daripada inisiatif transformasi digital sektor pelancongan negeri selaras dengan aspirasi Penang2030.

Versi baharu portal ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan Disember 2025, dengan reka bentuk antaramuka moden serta mesra pengguna. Portal tersebut akan menampilkan kandungan pelbagai bahasa bagi memudahkan capaian pelancong antarabangsa dan domestik, sekaligus memperluas jangkauan promosi Pulau Pinang di peringkat global.

Portal baharu ini akan menyediakan maklumat lengkap dan tersusun merangkumi tempat-tempat menarik, acara semasa, panduan pengangkutan awam, itinerari perjalanan, serta cadangan aktiviti mengikut minat pelancong. Pengaturcaraan

laman web turut dinaik taraf dengan teknologi terkini untuk memastikan masa muat yang lebih pantas, tahap keselamatan siber yang tinggi, dan navigasi yang lebih lancar merentasi pelbagai peranti.

Penambahbaikan ini juga membolehkan PGT memanfaatkan analitik data pelawat bagi menilai *trend* pelancongan dan keberkesanan promosi digital secara lebih tepat. Secara keseluruhannya, inisiatif ini akan memperkukuh kehadiran digital Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan pintar (*smart tourism destination*) yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

25. Apakah penilaian Kerajaan Negeri terhadap kejayaan sebagai contohnya SkyeChip yang telah membangunkan cip HBM3E pertama di Malaysia?
- (a) Bagaimanakah ia boleh memanfaatkan pembangunan industri digital negeri seiring dengan strategi pembangunan industri digital negeri yang dipacu oleh Digital Penang bagi mencapai aspirasi Visi Penang2030?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Kejayaan syarikat seperti SkyeChip yang telah membangunkan cip HBM3E pertama di Malaysia mencerminkan kemajuan ekosistem digital dan teknologi tinggi di Negeri Pulau Pinang. Pencapaian ini menunjukkan keberkesanan usaha Kerajaan Negeri dalam memperkukuh ekosistem digital berasaskan inovasi yang menjadi teras kepada pelaksanaan *Digital Economy Masterplan* (DEMP).
- (a) Kejayaan SkyeChip dalam teknologi cip canggih seperti HBM3E memberi manfaat besar dalam memacu pembangunan industri digital Negeri Pulau Pinang yang disokong oleh teknologi *Artificial Intelligence* (AI). Manfaat yang diperoleh meliputi pelbagai aspek merangkumi:
- (i) Pengukuhan kedudukan Negeri Pulau Pinang sebagai hab reka bentuk litar bersepadu (IC) yang mendapat pengiktirafan global. Pencapaian ini mengukuhkan naratif Pulau Pinang sebagai

"Lembah Silikon di Timur" dengan menunjukkan keupayaan reka bentuk cip hadapan (*front-end*) yang termaju, melangkaui kekuatan tradisional dalam pembungkusan dan pengujian semikonduktor (*back-end*);

- (ii) Menarik pelaburan dalam bidang berkaitan malahan membuka mata pelabur global bahawa ekosistem *Research and Development* (R&D) dan reka bentuk IC di Pulau Pinang adalah matang dan berdaya maju. Senario ini berupaya menarik lebih banyak syarikat reka bentuk IC tempatan dan luar negara untuk melabur di Negeri Pulau Pinang;
- (iii) Pembangunan cip HBM3E tersebut sangat signifikan untuk aplikasi AI dan Pengkomputeran Berprestasi Tinggi (HPC). Oleh yang demikian, kejayaan yang dilakar oleh SkyeChip bakal memacu fasa evolusi teknologi masa hadapan yang menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai peneraju teknologi AI di Malaysia;
- (iv) Syarikat tempatan seperti SkyeChip akan memberi kesan limpahan (*spillover effects*), pemindahan pengetahuan dan merangsang inovasi dalam kalangan syarikat pemula (*startups*) tempatan; dan
- (v) Kejayaan ini juga mencatatkan kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam aspek pembangunan modal insan dan bakat digital berkemahiran tinggi di Malaysia. Justeru, hal ini mengurangkan risiko penghijrahan bakat malah menjadi inspirasi kepada anak tempatan untuk menceburi bidang berteknologi tinggi.

Secara dasarnya, bukti keberkesanan inisiatif Kerajaan Negeri seperti *Penang Silicon Design @5km+* (PSD@5KM+) dan *Penang Chip Design Academy* oleh Penang Skills Development Centre (PSDC) yang bertujuan menyediakan ekosistem lengkap dengan insentif, ruang inkubasi, peralatan dan program pembangunan bakat semakin terserlah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

26. Memandangkan latihan guru sedia ada masih kekurangan modul pengurusan emosi dan intervensi krisis, adakah Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta universiti tempatan untuk memasukkan modul “Psikologi Pelajar dan Penyelesaian Konflik” (Student Psychology & Conflict Resolution Module) sebagai subjek teras dalam latihan perguruan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Sebagai makluman Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah menggunakan Buku Panduan Pelaksanaan Intervensi Krisis (CISM) yang dikeluarkan oleh Bahagian Psikologi dan kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Buku panduan ini merupakan nilai tambah dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk memperkasakan perkhidmatan Kaunselor Pendidikan serta Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK).

Krisis adalah “*an emotionally hazardous situation*”, iaitu situasi yang mengganggu dan mengancam emosi serta berkait dengan perubahan sosial dalam lingkungan kewujudan individu seperti perubahan jangkaan terhadap diri atau hubungan dengan orang lain. Intervensi krisis ialah rawatan kecemasan psikologikal kepada mangsa krisis untuk membantu mereka kembali ke

tahap kefungsiian adaptif dan mencegah atau mengurangi dampak negatif daripada trauma.

Di samping itu, dalam Modul Psikologi Pelajar dan Penyelesaian Konflik GBK akan menggunakan Modul Program Kaunseling Berfokus KPM Tahun 2010. Modul ini juga boleh digunakan oleh semua guru dalam mengurus konflik murid.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

27. Memandangkan tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat, adakah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bercadang menilai semula kadar bantuan sedia ada seperti Bantuan Am, Bantuan Warga Emas dan terutamanya Bantuan Kanak-kanak?
- (a) Adakah terdapat rancangan untuk menaikkan kadar bantuan atau manambah baik syarat supaya lebih ramai penerima mendapat manfaat dari skim tersebut?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

27. Cadangan menilai semula kadar bantuan sedia ada seperti Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU), Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Berupaya Bekerja (BTB), Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar dan Pesakit Kronik Tidak Terlantar (BPT) dan Bantuan Warga Emas (BWE) adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.
- (a) Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) merupakan inisiatif Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang. Pihak JKM kini dalam perancangan untuk mengkaji semula Kertas Dasar Negeri bagi skim ini untuk memastikan ia lebih bersesuaian dengan perkembangan semasa, dan menangani kumpulan sasaran yang semakin dinamik, serta mampu mengurangkan kos sara hidup rakyat yang meningkat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

28. Berapakah jumlah keseluruhan pusat jagaan warga emas, pusat jagaan kanak-kanak yang ditubuhkan oleh NGO dan Kerajaan setakat tahun 2025?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan geran operasi dan mempertimbangkan pengecualian cukai pintu, serta subsidi bil air dan elektrik bagi membantu institusi kebajikan bukan berasaskan keuntungan untuk terus beroperasi?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Berdasarkan data Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP), jumlah keseluruhan Pusat Jagaan Warga Emas dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta Kerajaan setakat tahun 2025 adalah sebanyak 23 buah di seluruh Negeri Pulau Pinang. Perincian lanjut adalah seperti di **JADUAL 1**.

Jadual 1: Jumlah Pusat Jagaan Warga Emas Dan Kanak-Kanak

BIL.	DAERAH	PUSAT JAGAAN	
		WARGA EMAS	KANAK KANAK
1.	BARAT DAYA	0	1
2.	TIMUR LAUT	6	8
3.	SEBERANG PERAI UTARA	1	3
4.	SEBERANG PERAI TENGAH	1	3
5.	SEBERANG PERAI SELATAN	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		8	15

- (b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menyediakan geran operasi serta pemberian subsidi-subsidi lain kepada institusi kebajikan bukan berasaskan keuntungan. Namun begitu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mempertimbangkan pengecualian cukai pintu secara bertempoh terhadap bangunan yang diluluskan bagi kegunaan sebagai pusat aktiviti sosial atau seni komuniti yang tidak berorientasikan keuntungan selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 135, Akta Kerajaan Tempatan 1976 tertakluk kepada pematuhan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

29. Senaraikan berapa peruntukan MARRIS yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Pusat dan seterusnya berapa yang disalurkan kepada MBPP dan MBSP dari tahun 2020 sehingga 2025.
- (a) Bilangan skop kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan mengikut kategori dari tahun 2020 hingga 2025 bagi kedua-dua PBT (MBSP dan MBPP).

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29.

Tahun	Terimaan Daripada MOF	Jumlah Agihan Yang Disalurkan (Termasuk Permohonan Tambahan)	
		MBPP	MBSP
2020	186,151,318.00	39,652,950.59	70,062,410.98
2021	208,768,680.00	40,239,657.09	80,004,438.10
2022	208,770,700.00	37,111,391.97	84,374,982.85
2023	210,952,060.00	40,334,078.64	115,017,284.83
2024	221,721,000.00	36,680,236.52	136,705,485.89
2025 (Sehingga Okt)	187,317,810.00	39,026,773.41	89,168,795.22

- (a) Skop Kerja Penyelenggaraan Mengikut Kategori seperti di **LAMPIRAN A.**

Skop Kerja Penyelenggaraan Mengikut Kategori

Tahun	MBPP	MBSB
2020	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 2. Kontrak Lampu Jalan/ Isyarat 3. Kontrak Penyelenggaraan Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri 4. Kontrak Pembaikan Parit & Bahu Jalan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit & Bahu Jalan. 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Penyelenggaraan Lampu Isyarat
2021	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Pembersihan Am Jalan 6. Kontrak Penyelenggaraan Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri 7. Kontrak Lampu Jalan/ Isyarat 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Penyelenggaraan Lampu Isyarat 6. Kontrak Pembersihan Am Jalan
2022	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Pembersihan Am Jalan 6. Kontrak Penyelenggaraan Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri 7. Kontrak Lampu Jalan/ Isyarat 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Penyelenggaraan Lampu Isyarat 6. Kontrak Pembersihan Am Jalan 7. Kontrak Penyelenggaraan Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri
2023	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Pembersihan Am Jalan 6. Kontrak Penyelenggaraan Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri 7. Kontrak Lampu Jalan/ Isyarat 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Penyelenggaraan Lampu Isyarat 6. Kontrak Pembersihan Am Jalan 7. Kontrak Penyelenggaraan Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri

LAMPIRAN A

Tahun	MBPP	MBSP
2024	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Pembersihan Am Jalan 6. Kontrak Penyelenggaraan Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri 7. Kontrak Lampu Jalan/ Isyarat 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Penyelenggaraan Lampu Isyarat 6. Kontrak Pembersihan Am Jalan 7. Kontrak Penyelenggaraan Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri
2025 (Sehingga Okt)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Pembersihan Am Jalan 6. Kontrak Penyelenggaraan Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri 7. Kontrak Lampu Jalan/ Isyarat 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kontrak Turap Jalan 2. Kontrak Pembaikan Parit, Bahu Jalan & Kerja Berkaitan 3. Kontrak Tampal Jalan 4. Kontrak Papan Tanda & Garisan Jalan 5. Kontrak Penyelenggaraan Lampu Isyarat 6. Kontrak Pembersihan Am Jalan 7. Kontrak Penyelenggaraan Pokok Di Jalan Bandaran & Jalan Negeri

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(X)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

30. Merujuk kepada cadangan oleh Ahli Parlimen Bagan, YB Lim Guan Eng, berhubung dengan penubuhan Zon Kewangan Khas (Special Financial Zone, SFZ) seluas kira-kira 40 hektar di kawasan Ampang Jajar. Apakah dasar, hala tuju serta pendirian Kerajaan Negeri terhadap cadangan tersebut?
- (a) Adakah SFZ ini akan melengkapkan CBD yang dicadangkan sebelum ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

30. 1. Konsep dan Mekanisme Penubuhan PIFC

Cadangan Penang International Financial Centre (PIFC) merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkukuh ekosistem kewangan negeri dan memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi.

Tiga teras utama PIFC ialah:

(i) Dana Pelaburan Industri Negeri (*State Sovereign Wealth Fund*)

Menggunakan hasil negeri seperti tanah untuk menjana modal pelaburan tanpa perlu kelulusan langsung daripada Kerajaan Persekutuan.

(ii) Pendigitalan Harta Tanah

Menukar aset tanah milik negeri kepada Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) bagi menarik pelabur swasta.

(iii) Pembangunan Fizikal Hab Kewangan

Mewujudkan zon khas dengan infrastruktur moden dan ekosistem perniagaan digital, disokong oleh pusat data, fintech, dan perkhidmatan sokongan profesional.

2. Status Permohonan dan Respons Kerajaan Persekutuan

Selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan adalah diperlukan sekiranya cadangan penubuhan (PIFC) melibatkan dana luar atau pelaburan syarikat antarabangsa yang tertakluk kepada dasar kewangan Malaysia.

Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mewujudkan Zon Kewangan Khas Pulau Pinang. Permohonan tersebut tidak melibatkan sebarang kos kepada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, MOF telah memaklumkan bahawa pada masa ini tiada perancangan dasar untuk menubuhkan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia. MOF juga menjelaskan bahawa cadangan untuk menubuhkan kumpulan kerja (*working group*) yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MOF, Bank Negara Malaysia dan agensi berkaitan tidak disokong, memandangkan kementerian berkenaan belum mempunyai sebarang dasar khusus berhubung penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia.

3. Lokasi dan Tapak Cadangan

Penentuan lokasi bagi (PIFC) memerlukan pertimbangan yang menyeluruh serta perbincangan lanjut bersama

pihak-pihak berkepentingan, khususnya melibatkan implikasi perundangan, kewangan dan keperluan industri.

Sebagai perbandingan, pusat kewangan antarabangsa utama di luar negara mengambil masa sehingga tujuh (7) tahun sebelum dapat beroperasi sepenuhnya. Oleh yang demikian, proses pemilihan lokasi bagi PIFC akan dilaksanakan secara berhati-hati, berfasa dan berasaskan kepada analisis kesesuaian serta keperluan pasaran semasa.

Cadangan penubuhan PIFC di Ampang Jajar seluas kira-kira 40 hektar adalah amat dihargai dan akan dipertimbangkan bersama lokasi-lokasi lain yang turut dikenal pasti berpotensi, selaras dengan perancangan pembangunan negeri bagi memastikan keseimbangan pertumbuhan antara kawasan pulau dan Seberang Perai.

4. Justifikasi dan Manfaat Ekonomi kepada Negeri

Penubuhan (PIFC) diunjurkan menjadi pemangkin ekonomi baharu Pulau Pinang, dengan memberi tumpuan kepada integrasi antara industri semikonduktor dan sektor kewangan digital.

Inisiatif ini dilihat sebagai langkah strategik bagi mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab ekonomi berteknologi tinggi dan berdaya saing di rantau ini.

Antara manfaat utama ekonomi yang dijangka diperolehi melalui pelaksanaan PIFC ialah:

i. Peningkatan Rantaian Nilai Industri *Upgrading Value Chain*

Pembiayaan aktiviti bernilai tinggi melalui PIFC berpotensi menarik modal teroka dan ekuiti persendirian bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk litar bersepadu, serta pengkhususan perkhidmatan kejuruteraan. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) untuk

membawa industri Malaysia ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi.

ii. Menarik dan Menahan Modal serta Bakat Berkualiti Tinggi

Pusat kewangan antarabangsa berupaya menyediakan infrastruktur institusi dan ekosistem pelaburan yang diperlukan untuk menarik dana antarabangsa berskala besar. Kewujudan PIFC bukan sahaja menyokong sektor pembuatan berteknologi tinggi tetapi turut memperkukuh perkhidmatan sokongan profesional, di samping mencipta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat tempatan serta mengurangkan masalah penghijrahan bakat *brain drain*.

iii. Perintis Inovasi Kewangan Digital *Digital Financial Innovation*

PIFC dijangka berfungsi sebagai platform kewangan digital serantau yang membezakan Pulau Pinang daripada pusat kewangan antarabangsa lain dengan memberi tumpuan kepada teknologi kewangan (FinTech) dan integrasi industri berasaskan data, automasi serta kecerdasan buatan (AI).

iv. Peluang Pekerjaan dan Pemerksaan Ekonomi Setempat

Pembangunan PIFC akan menjana pelbagai peluang pekerjaan baharu dalam sektor kewangan, ICT, kejuruteraan dan perkhidmatan teknikal. Secara langsung, ia akan memperkukuh aktiviti ekonomi setempat melalui pembangunan infrastruktur moden, ekosistem digital menyeluruh serta peningkatan taraf hidup rakyat.

5. Pelan Susulan dan Arah Hala Tuju

Walaupun cadangan asal tidak disokong oleh MOF, Kerajaan Negeri tidak menghentikan usaha tersebut. Melalui Penang Institute, kajian kebolehlaksanaan sedang

dijalankan bagi memperincikan model ekonomi dan potensi PIFC sebagai hub kewangan digital serantau.

Langkah-langkah susulan termasuk:

- (i) Meneruskan libat urus dengan agensi kewangan, pelabur dan pemaju hartanah strategik.
- (ii) Menumpukan kepada inisiatif fintech dan kewangan digital yang tidak bertindih dengan pusat kewangan sedia ada.
- (iii) Menyusun semula strategi pelaksanaan PIFC secara berfasa dan berdikari, dengan sokongan dana negeri serta kerjasama sektor swasta.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, PIFC merupakan aspirasi jangka panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan negeri ini sebagai pusat kewangan digital dan teknologi baharu yang menyokong ekonomi berpendapatan tinggi.

Walaupun belum mendapat kelulusan dasar di peringkat Persekutuan, inisiatif ini akan terus diperhalusi melalui pendekatan fasa pembangunan, inovasi kewangan digital dan perkongsian strategik awam-swasta, agar Pulau Pinang kekal sebagai peneraju pembangunan ekonomi moden negara.